

# PEMBUKAAN NEGERI BARU DALAM TEKS HISTORIOGRAFI MELAYU

**BAZRUL BAHAMAN**

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## Abstrak

Historiografi ialah teks sejarah yang ditulis mengikut konsep sejarah masyarakat Melayu tradisional. Dalam teks historiografi terkandung pelbagai pemikiran masyarakat Melayu tentang negara dan pentadbiran. Hasil kajian terhadap teks-teks historiografi mendapati sesebuah negeri yang baru, dibuka atas beberapa sebab. Pertama mencari negeri baru setelah kalah, kedua pertentangan antara keluarga raja dan salah seorang ingin mendirikan negeri sendiri. Ketiga putera raja ingin memerintah sendiri setelah berkahwin, keempat putera raja ingin mencari tempat baru. Kelima, bertemu tempat yang baik untuk di buat negeri. Keenam, pembesar atau orang kaya bertemu dengan kawasan yang baik untuk dijadikan negeri dan ketujuh, pelaut yang bertemu kawasan yang baik dan menarik hati. Pemilihan kawasan untuk dijadikan negeri pula berdasarkan kepada kesesuaian lokasi dan kemunculan tanda-tanda yang dianggap memberi alamat yang baik.

## PENGENALAN

Istilah "negara" adalah, istilah sanstkrit yang di India digunakan untuk hal-hal yang berkaitan dengan "city". Bagi dua kamus Melayu yang tertua iaitu *kamus Marsden* (1812:385) dan *kamus Wilkinson* (1959:350) makna utama "negara" adalah *province, district* atau *capital-city*. *Kamus Dewan* menyebutkan bahawa "negeri" sebagai "daerah tempat tinggal" atau "daerah yang di bawah pemerintahan seorang sultan atau gabenor". Dalam teks-teks Melayu lama istilah "negara" dan "negeri" adalah dua istilah yang mempunyai makna yang hampir sama, tetapi perkataan "negara" jarang digunakan. Penggunaan istilah ini di alam Melayu sudah dapat dikesan sejak abad ke-9. Kemudian pada abad ke-13 istilah ini gunakan oleh kerajaan Singasari, dan rajanya dikenali sebagai Raja

Kartanegara. Pada tahun 1365 teks *Negarakartagama* menggunakan istilah “negara”, di situ disenaraikan semua “negara” yang disebut sebagai jajahan takluk Majapahit (dlm. Deniel Parret, 1999:28).

Dalam kesusasteraan Melayu tradisional istilah negara hanya digunakan untuk nama beberapa tempat dan gelaran pembesar. Dalam *Hikayat Banjar* dikisahkan tentang sebuah negeri yang bernama “Negara Dipa” dibuka oleh seorang India di Hujung Tanah (Kalimantan Tenggara). Dalam *Hikayat Siak* terdapat perkataan “Negara Siak” Namun demikian untuk makna yang merujuk kepada “stet” atau *city* istilah “negeri” lebih sering digunakan (Deniel Parret dlm Wan Hashim Wan Teh, 1999:3-5).

Dalam teks sastera tradisional makna negeri dapat dibahagi kepada empat. Pertama negeri yang bermakna suatu wilayah tertentu yang menjadi ibu negara kepada sesebuah kerajaan. Kedua negeri yang bermakna keseluruhan kerajaan. Ketiga negeri yang bermakna suatu negeri jajahan. Keempat negeri sebagai salah satu daerah dalam negara.

Istilah “tanah” digunakan untuk makna suatu ruang yang terdiri daripada beberapa buah negeri tetapi juga dapat bermakna satu ruang yang sama dengan satu negeri. Misalnya istilah tanah Bentan, tanah Bugis, tanah Makasar, tetapi dalam teks yang sama juga digunakan istilah negeri. Misalnya negeri Bentan, negeri Bugis, dan negeri Makasar. Benua juga digunakan untuk ruang yang sama dengan ruang negeri, misalnya benua Siam dan negeri Siam, benua China dan negeri China, benua Keling dan negeri Keling. Tetapi satu kemungkinan lain ialah benua dapat dikaitkan dengan istilah *vanua* yang terdapat pada batu bersurat dari kerajaan Seriwijaya. Pada masa itu, kemungkinan besar *vanua* bermakna ruang keliling kedatuan (tempat tinggal pada pemimpin) (Daniel Perret, 1999:25) Istilah desa pula dikaitkan dengan negeri, tetapi maknanya sulit dikesan misalnya “desa negeri Perak”, “takhta desa negeri yang terang” dan lain-lain (Daniel Pareet, 1999:25).

## **PEMBUKAAN WILAYAH BARU SEBAGAI NEGERI**

Terdapat beberapa sebab pembukaan wilayah baru sebagai negeri. Antara sebab utama pembukaan wilayah baru ialah *mencari negeri baru setelah kalah*.

Apabila sebuah negeri ditawan musuh, raja akan melarikan diri dengan membawa bersama-samanya para pembesar, panglima dan rakyat. Keluar berhijrah, raja dan para pembesar akan mencari wilayah baru yang sesuai untuk dijadikan negeri. Bila menjumpai suatu tempat yang baik mereka akan membuka kawasan tersebut dan menjadikannya tempat kediaman, setelah tinggal beberapa ketika di tempat tersebut baru diputuskan sama ada untuk menjadikan tempat tersebut negeri atau tidak. Jika ternyata tidak

sesuai untuk dijadikan negeri, maka rombongan akan meninggalkan wilayah yang baru dibuka itu dan berpindah pula ke tempat lain. Misalnya Raja Iskandar Syah ketika lari dari Singapura, mula-mula baginda membuka Hulu Muar. Pada malam hari datang biawak dengan banyaknya, siang hari di bunuh. Malam hari datang lagi sehingga tempat tersebut menjadi busuk kerana bangkai biawak. Baginda pun pindah pula ke Simpang Ujung, tetapi kemudian ditinggalkan juga kerana kota tersebut cepat buruk. Sehingga baginda berjumpa dengan suatu kawasan yang dianggap baik lalu dibuka dan diberi nama Melaka. Di situlah baginda menetap dan dijadikan negeri.

Keadaan seperti ini terjadi juga kepada Raja Purba dari Johor. Setelah negerinya dikalahkan musuh, baginda melarikan diri ke Sumatera. Sampai di hulu Sungai Rokan baginda membuka sebuah negeri yang diberi nama Kepenuhan, tetapi kemudian baginda berjalan lagi hingga sampai ke Kuala Rokan dan akhirnya baginda memutuskan membuat negeri di kawasan tersebut dan meninggalkan Kepenuhan.

**i. Pertentangan antara keluarga Raja dan salah seorang membuka negeri sendiri**

Pertentangan keluarga juga menjadi sebab pembukaan negeri baru. Misalnya dalam peristiwa pembukaan Negeri Rambah. Anak Raja Tambusai berselisih faham dengan abangnya yang sulung, kemudian salah seorang daripadanya mengambil keputusan untuk membuka sebuah negeri baru dan memerintah sendiri. Akhirnya dengan kebenaran ayahnya dia telah membuka sebuah negeri yang diberi nama Rambah.

**ii. Putera Raja ingin memerintah sendiri setelah berkahwin**

Ini terjadi kepada Raja Abdullah dalam *Hikayat Seri Kelantan*. Setelah baginda berkahwin dengan Puteri Saadong, Raja Abdullah mengambil keputusan untuk membuka negeri lain dan memerintah sendiri. Baginda tidak mahu tinggal tetap di negeri Serendah Sekebun Bunga Cerang Tegayung yang sudah diperintah dengan baik oleh Cik Siti Wan Kembang.

**iii. Putera Raja ingin mencari tempat baru**

Ini terjadi pada ketika pembukaan Singapura. Setelah beberapa lama tinggal di Palembang, Seri Teri Buana berfikir untuk mencari negeri baru.

*“Alkisah maka tersebutlah perkataan Seri Teri Buana kerajaan di Palembang itu, ada pada suatu hari baginda berfikir hendak mencari tempat berbuat negeri kerana Palembang baginda tiada berkenan lagi”.*

(A. Samad Ahmad 1997:50).

Baginda bersama para pembesar dan sejumlah rakyat Palembang kemudian mengembara hingga sampai di Bintan. Pada suatu hari baginda terlihat sebuah pulau yang cantik, maka timbullah keinginan baginda untuk berjalan-jalan ke sana. Setelah sampai, baginda melihat tempat tersebut baik untuk dijadikan negeri. Akhirnya baginda membuka wilayah tersebut dan mendirikan negeri baru yang diberi nama Singapura. Dalam *Hikayat Patani* pula diceritakan tentang anak Raja Siam yang bernama Cau Seri Bangsa. Setelah menakluki beberapa negeri di Selatan Siam Baginda memeluk Islam dan membuka negeri baru yang diberi nama Patani.

**iv Raja atau Putera Raja bertemu tempat yang baik untuk buat negeri**

Raja Kota Mahligai yang bernama Paya Tu Nag Pa ketika berburu bertemu dengan kawasan yang baik untuk dibuat negeri. Lalu didirikan negeri di kawasan tersebut yang diberi Patani:

*“Daulat Tuanku, paik mohonkan ampun dan karunia. Ada seekor pelanduk putih, besarnya seperti kambing, warna tubuhnya gilang-gemilang. Itulah yang dihambat oleh anjing ini. Maka pelanduk itulah lenyap”.*

(A. Teeuw 1970:28).

**v. Pembesar atau orang kaya bertemu dengan kawasan yang baik**

Selain negeri dibuka oleh raja, ada juga yang dibuka oleh pembesar atau orang kaya yang lari. Kemudian pembesar atau orang kaya tersebut menggunakan kekayaannya untuk mencari pengikut dan membuka negeri baru. Ini dapat dilihat pada kisah pembukaan negeri Samudera. Bermula dengan dua orang adik-beradik, iaitu Merah Silu dan Merah Caga. Ketika dikejar oleh abangnya, Merah Caga lari ke Rimba Jarum. Di situ Merah Silu mengumpulkan seluruh penduduk dan memberi mereka harta, sehingga penduduk tersebut menjadi pengikutnya yang setia. Pengikut tersebut kemudian menjadi rakyat di sebuah negeri baru dibuka yang diberinya nama Samudera.

Hal yang sama juga terjadi kepada Ampu Djatmaka. Beliau berasal dari anak seorang kaya di India, selepas bertengkar dengan saudaranya, ia melarikan diri hingga sampai di Kalimantan. Tempat tersebut kemudian dibuka dan dijadikan negeri baru yang diberi nama Negara-Dipa.

**vi. Pelaut yang bertemu dengan kawasan yang baik**

Dalam *Riwayat Kelantan* diceritakan tentang seorang saudagar bersama awak-awak kapalnya menemui suatu kawasan yang baik. Mereka membuka kawasan tersebut

dan dijadikan "negeri". Kemudian anak seorang petani yang didapat daripada buluh betung dilantik sebagai raja dengan gelar Maharaja Puteri.

Perbincangan di atas menunjukkan sejak awal lagi sebab pembukaan negeri mempunyai hubungan dengan raja yang dalam ideologi politik Melayu dilihat sebagai titisan dewa dan tempat ditumpahkan ketaatsetiaan. Tiga dari lima sebab pembukaan negeri di atas, dibuat atas konsep ketaatan kepada raja sebagai makhluk istimewa. Ketaatan inilah juga menyebabkan rakyat sanggup mengikuti raja mereka walau ke mana pun raja tersebut pergi. Oleh yang demikian, jika raja tersebut kehilangan negeri, ia dapat terus menjalankan pemerintahan dalam buangan sebagai kumpulan nomad yang mengembara dari satu wilayah ke wilayah lain sampai menemui sebuah tempat yang baik dan sesuai untuk di buat negeri negeri yang baru. Maharaja Purba misalnya membawa rakyatnya mengembara ke Sumatera untuk mencari wilayah setelah negerinya ditawan musuh. Begitu juga dengan Raja Singapura membawa rakyatnya mengembara dari satu tempat ke satu tempat sehingga bertemu dengan suatu kawasan yang dipandang sesuai untuk membuat negeri.

Selain daripada raja, anaknya juga dipandang mempunyai daulat sebab masih daripada darah raja, sebab itu rakyat juga memberi kesetiaan kepada putera-putera raja sebagaimana kesetiaan yang diberikan kepada raja. Itulah sebabnya anak raja dapat membuka negeri baru dan menjadi raja di negeri baru tersebut. Kisah pembukaan negeri Rambah dan Kepenuhan misalnya dimulakan oleh anak raja yang ingin memerintah sendiri. Rakyat kemudian dengan mudah mengikuti beliau dan memberi kesetiaan. Mereka ikut berpindah dan tinggal di negeri baru tersebut bersama rakyatnya. Ini tentulah kerana kesetiaan dan keyakinan mereka bahawa daulat yang ada pada anak raja tersebut akan mampu memberikan kemakmuran terhadap negeri baru yang dibuka oleh anak raja tersebut.

Pembukaan negeri dapat juga dilakukan oleh pembesar, tetapi pembesar ini tetap tidak berkeyakinan bahawa ia boleh menjadi raja. Oleh yang demikian, setiap negeri yang dibuka oleh pembesar atau pelaut, mereka akan segera mencari seorang manusia istimewa untuk dirajakan. Rakyat dapat mengikut mereka, kerana kekayaan dan kepahlawanan mereka, tetapi tidak untuk selamanya. Kalau kekuatan atau kekayaan pembesar tersebut berkurangan kemungkinan akan berlaku pemberontakan, kerana raja yang begini dipandang tidak mempunyai daulat. Oleh yang demikian, tidak ada daya tarik yang bersifat spiritual kepada rakyat untuk memberi taat setia. Bagi mereka pembesar tidak akan dapat mendatangkan tulah

(bencana) dan melawannya bukan suatu perbuatan derhaka. Bahkan pembesar itu sendiri, tidak yakin bahawa ia akan diberi kesetiaan. Ia sendiri juga merasa bimbang kerana jika ia mengistiharkan dirinya menjadi raja, akan menjadi kesalahan besar yang boleh menyebabkan tulah.

## **CARA-CARA MENDAPATKAN WILAYAH BARU UNTUK DIJADIKAN NEGERI**

Terdapat beberapa cara yang digunakan untuk mendapatkan wilayah baru bagi dijadikan negeri. Cara-cara tersebut dapat dibincangkan sebagai berikut:

### **a) Tempat yang sudah ada penduduk tetapi belum menjadi negeri**

Cara begini adalah cara pembukaan negeri yang paling banyak sekali diceritakan dalam sastera sejarah. Misalnya, ketika Singapura dibuka sudah ada penduduk tetapi belum ramai dan tidak mempunyai raja. Ini bererti kedudukan negeri tersebut hanya sebagai kampung belum sebagai negeri. Bila Sang Sapurba datang beliau pun mendirikan negeri yang lengkap dengan sistem pentadbirannya.

Ketika Ampu Djatmaka datang ke Negara-Dipa di situ juga sudah ada penduduk tempatan tetapi tidak ramai dan tidak ada ketua. Bila Ampu Djatmaka sampai, tempat tersebut dimajukan dan diwujudkan sistem pentadbiran. Hal yang sama juga berlaku pada negeri Samudera. Ketika Merah Silu sampai di Rimba Jarum tempat tersebut sudah ada penduduk, tetapi belum ada ketua. Bila Merah Silu datang diberinya penduduk kawasan tersebut harta sehingga mereka melantik Merah Silu sebagai ketua. Akhirnya Merah Silu dilantik menjadi raja dan rakyat memberikan sepenuhnya taat setia. Maka kawasan tersebut pun menjadi negeri.

### **b) Bekas kerajaan yang ditinggalkan**

Dalam *Hikayat Jambi* diceritakan tentang seorang Puteri Minangkabau yang bernama Tuan Puteri Pinang Masak. Puteri tersebut meminta kebenaran daripada ayahnya untuk membuka negeri sendiri. Setelah mendapat kebenaran daripada ayahnya puteri tersebut memilih membuka negeri Jambi yang dahulunya diperintah oleh Tun Telanai, tetapi musnah diserang oleh Siam.

### **c) Minta wilayah untuk dibuat negeri**

Negeri baru juga boleh didapati dengan meminta sebahagian kawasan dari raja lain untuk dijadikan negeri. Misalnya Maharaja Purba yang lari dari negeri Johor telah minta kawasan sekitar Sungai Rokan kepada Raja Tambusai untuk dijadikan negeri. Permintaan itu kemudian dipersetujui oleh Raja Tambusai. Dalam keadaan ini, Raja yang meminta tanah itu hanya berkuasa ke atas rakyat di sekitar wilayah

yang dimintanya. Raja tersebut juga harus tunduk kepada undang-undang yang sedia ada dan raja negeri yang memberikan wilayah tersebut. Oleh yang demikian kedudukan negeri yang baru itu bukan sebagai negara yang berdaulat, tetapi ia hanya berkedudukan sebagai “negeri jajahan”. Untuk lebih jelas lihat jawapan Raja Tambusai ketika Maharaja Purba minta kawasan untuk dibuat negeri:

*Kemudian jawab Raja Tambusai kepada orang itu melainkan pasal daripada tanah tempat diam itu sekedar tempat diam sahaja. Maka maizinkanlah kita dan hingga di hilir-hilir sinan. Kemudian tentang daripada mengata 'atur kan itu oleh kadarnya yang dapat kepada kita jadi juga, tetapi bagai menata aturan kitapun tahu juga, demikian adanya.”*

*(Sejarah Tambusai, tt: 23).*

Negeri diatur mengikut undang-undang Tambusai, Raja Purba juga setuju dengan permintaan Raja Tambusai supaya rakyat dibahagi kepada sebelas suku seperti sistem pentadbiran di negeri Tambusai, walaupun pada mulanya Raja Purba hendak membahagikannya kepada sembilan suku.

Dari perbincangan di atas terdapat beberapa perkara menarik untuk diperhatikan. Pertama rakyat di daerah yang baru dibuka menerima raja yang baru datang itu dengan rela hati dan memberikan taat setia. Ini mungkin kerana beberapa perkara. Pertama rakyat negeri yang sedia ada itu tidak ramai dan mereka juga belum bersatu di bawah satu orang pemimpin. Oleh yang demikian bila ada orang yang berwibawa akan memimpin mereka, rakyat merasa lebih selamat dan menjadi lebih kuat. Kedua raja, saudagar atau pembesar yang datang itu kuat dan berwibawa, penduduk yang sedia ada itu tidak mampu melawannya. Oleh yang demikian cara yang terbaik ialah dengan memberikan taat setia dan hidup sebagai rakyat kepada raja yang baru datang itu. Ketiga, mitos kekuatan dan kedaulatan raja yang baru datang itu sudah sampai ke pengetahuan penduduk di kawasan tersebut. Oleh yang demikian bila raja tersebut datang mereka dengan mudah menerimanya.

Kes Maharaja Purba dengan Raja Tambusai agak istimewa. Mungkin hubungan baik antara kerajaan Johor dengan Kerajaan Tambusai sudah wujud sebelum kerajaan Johor jatuh. Sebab itu bila Maharaja Purba dari Johor minta kawasan membuat negeri Raja Tambusai memberinya, tetapi Raja Tambusai tetap menjaga kedaulatan negaranya dengan tidak membenarkan Raja Purba membuat undang-undang sendiri, tetapi harus taat kepada undang-undang negara Tambusai. Dalam keadaan ini kedudukan Raja Purba

hanya sebagai penghulu kepada wilayah yang di diaminya, walaupun ia menggunakan gelar “Raja”. Bukan sebagai raja berdaulat yang sebenarnya.

## **PEMILIHAN TEMPAT MEMBUAT NEGERI**

Pemilihan lokasi berdasarkan empat unsur. Pertama berdasarkan kesesuaian. Kedua selepas pemimpin rombongan melakukan sesuatu yang luar biasa. Ketiga selepas kemunculan sesuatu yang menguntungkan. Keempat menurut petua orang tua-tua (Parret 1999:8-9).

### **a) Kesesuaian lokasi**

Ini adalah faktor utama yang diperhatikan oleh raja atau pembesar ketika memilih kawasan untuk membuat negeri. Kesesuaian lokasi biasanya berdasarkan beberapa perkara. Pertama, berhampiran dengan sungai, kerana sungai adalah alat perhubungan utama dan menjadi sumber ekonomi bagi rakyat. Sebab itu kebanyakan negeri-negeri dalam sastera sejarah berhampiran dengan sungai misalnya negeri Melaka, Singapura, Kepenuhan dan sebagainya.

Kedua, tidak jauh dari laut. Ini penting kerana negara Melayu tradisional biasanya sebuah negara perdagangan. Negara banyak bergantung kepada cukai dan hadiah yang diberikan oleh para pedagang keluar masuk. Oleh yang demikian laut penting sebagai jalan perdagangan luar. Laut juga menjadi tempat keluar masuk makanan, pakaian dan barang-barang lain. Sebab itu negeri-negeri Melayu seperti Melaka, Singapura, Muar dan Palembang dan lain-lain semuanya berhampiran dengan laut.

Ketiga, keadaan muka bumi, kawasan yang dianggap baik untuk dibuat negeri adalah kawasan yang tanahnya rata. Ketika Seri Teri Buana membuka Temasik pertama sekali baginda melihat hal ini:

*Maka Seri Teri Buanapun pun berangkat melihat tanah Temasik itu diiringkan segala orang besar-besar. Di pandang baginda terlalu molek perbuatan tanah itu, bukit tanahnya rata di atasnya, dan padang di negaranya*

(A.Samad Ahmad, 1997:15).

Keempat, keadaan tanah. Tanah yang akan dijadikan negeri perlu baik dan subur untuk pertanian. Misalnya ketika membuka Negara-Dipa oleh Ampu Djatmaka. Ia sendiri mendapat petua dari ayahnya: menurut ayahnya tempat yang baik berbuat

negeri itu ialah tempat yang tanahnya hangat dan berbau harum. Tanah begini subur dan setiap yang di tanam menjadi. Bukan itu sahaja, tanah begini juga jauh dari penyakit dan sukar berubah menjadi buruk. Secara ghaib pula, tanah begini bertuah, akan banyak dagang yang datang, jauh dari musuh dan negara akan makmur.

Sesuai dengan pesan ayahnya, Ampu Djatmaka akan mengelak membuat negeri di kawasan yang tanahnya harum dan dingin kerana tanah ini kurang bertuah, sama kebaikan dengan keburukannya. Beliau sama sekali tidak akan membuat negeri di tanah yang dingin dan busuk, kerana tanah ini sangat buruk. Tidak subur dan kalau membuat negeri akan cepat binasa.

Di Barus, pilihan lokasi berdasarkan berat air yang dibawa oleh rombongan berimbang dengan air lokasi.

**b) Kemunculan sesuatu yang dipercayai menguntungkan**

Ini terjadi ketika pembukaan Melaka, Samudera dan Singapura. Ketika pembukaan Melaka seekor pelanduk putih telah menendang anjing Raja Iskandar yang jauh lebih besar, sehingga anjing tersebut tercampak ke sungai. Begitu juga ketika pembukaan negeri Patani, bila ada seekor pelanduk putih yang cantik didapati ke kawasan tersebut. Pembukaan negeri Samudera berdasarkan adanya seekor semut sebesar kucing di atas sebuah bukit. Singapura pula dibuka setelah Seri Teri Buana melihat seekor binatang seperti singa melintas. Ketiga-tiga peristiwa ini dipercayai membawa alamat yang baik. Oleh yang demikian kawasan tersebut dijadikan negeri. Menurut Daniel Parret (1999:43) negeri yang sudah kalah perang tidak akan dijadikan negeri. Tempat kediaman pihak yang kalah tidak digunakan untuk membuka negeri yang baru. Pernyataan ini ada kebenarannya jika merujuk kepada tindakan Putera Raja Siam Cau Sri Bangsa yang meninggalkan negeri Patani yang baru ditaklukinya. Tetapi dalam Hikayat Jambi ada diceritakan tentang seorang Puteri Minangkabau yang bernama Puteri Pinang Masak yang telah memilih bekas kerajaan Tun Telanai (Jambi) yang sudah hancur diserang Siam untuk membuat negeri yang baru.

Daripada perbincangan di atas dapat dilihat bahawa pencarian tempat untuk membuat negeri tidak dilakukan sebarangan, tetapi ia dipilih dengan teliti berdasarkan ketentuan-ketentuan seperti di atas. Ini menunjukkan bahawa para raja atau pembesar yang membuka negeri cukup sedar bahawa kawasan yang baik adalah penting untuk membuka negeri. Sebab itu dalam memilih kawasan untuk dijadikan negeri, pelbagai unsur ilmu, pengalaman dan kepandaian digunakan untuk memastikan kawasan yang dipilih baik. Adakalanya digunakan pengalaman, pesan orang tua, bantuan ghaib dan sebagainya yang merupakan teknologi zaman

tersebut. Untuk memastikan bahawa kawasan yang dipilih tepat, raja tidak hanya membuat keputusan bersendirian. Ia juga meminta pandangan dari pembesarnya bagi menentukan kawasan yang baik dibuat negeri.

*Pada malam ini baginda pun berbicara dengan segala menteri hulubalangnya hendak berbuat negeri itu... Setelah segala menteri dengan ketumbukannya maka baginda berangkat kembali ke kota Mahligai'.*

(Ahmad Fauzi Mohd Basri, 1992:75).

Jika kawasan yang dipilih tersebut ternyata tidak baik akan ditinggalkan. Misalnya sebelum membuka Melaka sebagai negeri, Raja Iskandar telah membuka beberapa kawasan untuk dijadikan negeri, tetapi setelah tinggal beberapa hari kawasan tersebut ternyata tidak baik, maka tempat tersebut ditinggalkan.

Proses pemilihan tempat untuk pembukaan negeri seperti yang dibincangkan di atas memperlihatkan hubungan yang rapat dengan sistem kepercayaan dan ideologi politik Melayu. Pemilihan sesuatu tempat untuk dijadikan sebagai negeri mempunyai sebab yang bersifat faktual dan spiritual. Unsur-unsur faktual adalah unsur secara zahir yang memperlihatkan keistimewaan sesebuah kawasan. Ini tentu memberi petanda kawasan tersebut baik secara fizikal untuk dibuat negeri. Tetapi yang lebih penting keistimewaan secara spiritual pada sebuah negeri yang akan dibuka. Misalnya negeri Melaka ketika dibuka seekor pelanduk telah menendang anjing raja. Begitu juga dengan Samudera yang terdapat semut besar di sebuah bukitnya. Keistimewaan secara spiritual ini telah meletakkan "negeri" sebagai pusat pemerintahan berada pada suatu kedudukan yang tinggi secara spritual. Ini juga selaras dengan ketinggian kedudukan rajanya. Ia juga meletakkan negeri berada pada darjat yang lebih tinggi daripada daerah, teluk, rantau, kampung, negeri jajahan dan pulau. Ini memberi jaminan teluk, rantau, pulau dan kampung untuk tetap setia dan patuh kepada negeri. Inilah juga salah satu faktor yang menyebabkan tingginya kesetiaan rakyat kepada negeri.

## **MENAMAKAN NEGARA**

Negeri diberi nama setelah istana dan kota siap dibina. Perubahan fizikal akan diikuti oleh perubahan nama negeri tersebut (Deniel Parret 1999:12-13). Nama negeri diberi berdasarkan beberapa perkara. Pertama, unsur alam yang dianggap istimewa. Misalnya Samudera diberi nama berdasarkan seekor semut besar yang dijumpai oleh Merah Silu

ketika membuka negeri tersebut. Nama Temasik ditukar kepada Singapura setelah raja melihat seekor binatang besar seperti singa melintas di hadapannya. Nama Pasai diberi berdasarkan nama anjing raja yang menemui kawasan tersebut. Begitu juga dengan nama "Patani" diambil sempena nama orang tua yang tinggal di kawasan tersebut. Kedua berdasarkan pilihan nama yang baik yang dibuat oleh pengasas negeri tersebut. Misalnya nama Negara-Dipa diberi oleh Ampu Djatmaka yang bermaksud "Negara Yang Baik".

Walaupun memilih nama untuk sebuah negeri adalah penting, tetapi tidak sepenting memilih tempat. Raja atau para pembesar tidak terlalu sulit untuk memilih nama negeri. Tidak ada syarat atau panduan yang digunakan untuk memberi nama suatu tempat. Nama asal tempat yang dibuka itu ditukar sesuai dengan perubahan fizikalnya. Setelah nama baru dipilih, tidak akan ditukar lagi. Sebab nama dianggap penting, biasanya raja akan berunding dengan pembesar terlebih dahulu sebelum memutuskan nama negeri.

## **PROSES MEMBANGUN NEGERI**

Pembukaan negeri biasanya bermula dengan ketibaan serombongan manusia dengan pemimpinnya di suatu tempat. Mereka menemui sesuatu yang menunjukkan tempat tersebut baik untuk dibuat negeri, maka diputuskan untuk membuat negeri dengan mengerahkan semua hulubalang menebas kawasan tersebut. Setelah kerja menebas siap barulah dimulai kerja membangun negeri. Pada peringkat awal yang dibangun ialah kota, parit, istana dan balairong. Apabila Islam bertapak kuat di alam Melayu, serentak dengan pembukaan negeri turut juga dibangunkan masjid. Setelah pembangunan unsur-unsur fizikal yang utama ini siap baru dibangun sistem pentadbiran. Untuk lebih jelas berikut dibincangkan pembangunan kedua unsur fizikal dan pentadbiran secara berasingan:

### **a. Unsur Fizikal**

Kota parit perlu dibangun awal kerana ia adalah sistem pertahanan. Namun demikian parit bukan syarat wajib harus ada pada sesebuah negeri. Negeri Aceh tidak berkota kerana sistem pertahanan negeri itu tidak berdasarkan kota tetapi gajah perang. Negara-Dipa di tepi laut Hujung Tanah juga tidak berkota, tetapi tidak dinyatakan alasannya (Parret, 1999:10-11).

Bila negara sudah maju maka pertahanan akan menjadi lebih kompleks dengan angkatan laut yang diketuai oleh seorang panglima yang handal (laksamana). Angkatan darat pula akan dilengkapi pula dengan tentera bergajah, berkuda dan panglima-panglima perang yang handal dan bijaksana. Misalnya di Melaka angkatan lautnya diketuai oleh Laksamana Hang Tuah sangat kuat dengan jumlah

kapal lautnya yang besar. Mereka bukan sahaja bertugas mempertahankan negara daripada serangan luar, tetapi juga bertugas menghadapi para lanun yang melakukan rompakan terhadap kapal-kapal yang lalu. Bila keadaan laut aman daripada ancaman lanun, ini sangat menyumbang ke arah kehadiran pedagang-pedagang ke dalam negara tersebut. Di saat kejatuhan negara, pertahanan biasanya masih kuat dengan kelengkapan dan angkatan tenteranya, tetapi perasaan kekitaan dan semangat perjuangan sudah mulai runtuh. Misalnya ketika Portugis menyerang Melaka, kelengkapan pertahanan Melaka masih kuat, tetapi perpecahan terjadi dalam kalangan pembesar sendiri. Sebahagian daerah juga mulai kurang kesetiaan kepada kerajaan. Sebab itu ketika Melaka diserang Portugis dalam *Sulalatus Salatin* tidak diceritakan tentang kedatangan pasukan-pasukan dari daerah untuk mempertahankan Melaka. Berlainan ketika Melaka diserang oleh Siam, pasukan daripada berbagai-bagai daerah datang bersama mempertahankan Melaka.

Istana dan balairong seri juga perlu dibangun awal kerana tempat tinggal dan tempat berlangsungnya pentadbiran. Ketika pembukaan Negara-Dipa, Ampu Djatmaka juga turut membangun candi dan patung yang dianggap sebagai raja dan untuk penyembahan. Selepas kedatangan Islam, masjid turut dibangun awal, kerana ia tempat ibadat terutama hari Jumaat. Selain itu masjid juga menjadi pusat kegiatan rakyat dan lambang agama bagi sebuah negeri. Seterusnya barulah dibangunkan rumah penduduk, pasar dan kedai. Bila ini sudah siap, negeri tersebut dianggap sempurna. Misalnya ketika Wan Seri Bani datang melihat Singapura yang baru dibuka sebutkan:

*Maka negeri Singapura pun telah sudahlah diperbuat orang dengan kota paritnya, dan dengan segala istana dan balairung dalam dan balairung luar, serta sekalian rumah orang kedai dan pasar terlalu indah perbuatan negeri Singapura itu .*

(A. Samad Ahmad 1990:55).

Bila negara semakin maju dan besar, istana akan turut mengalami perubahan. Istana baru akan dibina dengan lebih besar dan indah. Sebab itu sepanjang kesultanan Melaka, beberapa kali dibina istana. Pembuatan istana yang megah akan melibatkan segenap kekuatan tenaga sehingga melibatkan daerah-daerah. Misalnya pada zaman kemuncak keagungan Melaka (Sultan Mansyur Syah) sebuah istana yang megah telah dibina dengan melibatkan kewangan dan tenaga hampir seluruh

daerah dan jajahan takluk Melaka. Di Perak pula setelah berjaya menyatukan Perak, Sultan Iskandar Syah telah mendirikan istana baru yang hebat sehingga pembesar sulit untuk membinanya.

Seterusnya pembangunan pasar sebagai pusat kegiatan perniagaan. Pasar biasanya terletak berhampiran dengan bandar pelabuhan tempat pangkalan kapal, perahu dan sebagainya. Barang-barang daripada pelabuhan akan dibawa ke pasar untuk diniagakan. Bila negara sudah maju, pasar ini akan menjadi "kota" pusat kegiatan perdagangan. Perkembangan negara selanjutnya banyak bergantung kepada kemampuan Raja dalam menguruskan pasar dan pelabuhan ini. Tetapi bandar pelabuhan dan pasar ("kota") diletakkan di bawah kekuasaan orang yang berlainan. Pasar ditadbir oleh temenggung dan bandar pelabuhan ditadbir syahbandar. Dalam *Sejarah Melayu* ada diceritakan tentang anak buah Temenggung yang memungut bayaran daripada peniaga di pasar (kota) Melaka. Hukum Kanun Melaka pula banyak menceritakan tentang kekuasaan syahbandar di Pelabuhan Melaka. Para pedagang dari luar dan dalam negara akan bertumpu di sana. Bagi negeri-negeri Melayu yang berasaskan perdagangan kemampuan mentadbirkan pasar sangat menentukan kemajuan negara keseluruhan.

Selain daripada istana, pasar, pelabuhan dan sistem pertahanan, turut juga dibangun rumah ibadat dan rumah rakyat. Dalam *Sejarah Melayu* ada diceritakan ketika pembukaan Singapura bersama pembangunan istana, pasar dan pelabuhan turut dibangun rumah rakyat. Perkembangan selanjutnya teks sastera sejarah tidak banyak menceritakan tentang pembangunan rumah rakyat ini.

Masjid juga turut dibangun sejak awal pembukaan negeri. Misalnya dalam *Misa Melayu* di ceritakan, ketika pembukaan negeri Indera Sakti Sultan Iskandar turut membangun negeri. Bila negeri semakin maju, masjid juga turut dibangun lebih baik. Dalam *Hikayat Patani*, masjid di bangun setelah rajanya Sultan Mudhafar Syah menerima Islam.

#### **(b) Pentadbiran**

Sebaik sahaja sebuah negeri dibuka, yang pertama sekali dilakukan adalah mencari raja. Ini berlaku kepada negeri yang dibuka bukan oleh keturunan raja, kerana "negeri" tidak akan berkedudukan sebagai negara berdaulat sebelum diperintah oleh seorang manusia yang berdarah "keinderaan". Oleh yang demikian perlu dicari seorang raja yang akan memerintah negeri yang baru dibuka itu. Sekiranya tidak diperoleh seorang raja dari "keinderaan" akan diminta anak raja dari negara lain untuk memerintah. Proses mencari raja ini kadang-kadang memakan masa beberapa

tahun lamanya, seperti di Negara-Dipa yang proses mencari rajanya memakan masa dua tahun. Untuk sementara, negara ditadbir oleh pembesar atau saudagar yang mengasaskan negara tersebut, tetapi pembesar atau saudagar tersebut tidak mengiktiraf dirinya sebagai raja.

Jika negeri tersebut dibuka oleh Raja atau anak raja, tidak timbul lagi masalah mencari raja kerana kerabat diraja yang membuka negeri terus dilantik menjadi raja. Kadang-kadang raja negeri yang baru dibuka juga mencari naungan dengan meminta ditabal oleh negara yang lebih besar. Misalnya di negeri Petani, Cau Seri Bangsa telah meminta dinobatkan oleh Sultan Melaka. Kemudian Cau Seri Bangsa dinobatkan oleh Sultan Mahmud Syah dengan gelar Sultan Seri Ahmad Syah.

Setelah raja diperolehi maka dilantik pembesar utama yang terdiri daripada bendahara/mangkubumi/perdana menteri, temenggung dan penghulu-penghulu. Sebahagian negeri di peringkat awal hanya ada raja dan perdana menteri/ mangkubumi/bendahara saja. Biasanya yang akan menjadi bendahara/ mangkubumi/ perdana menteri adalah pembesar atau saudagar yang membuka negeri tersebut. Sedangkan lain terdiri daripada kalangan pembesar yang ikut bersama semasa membuka negeri atau ketua kaum yang sedia ada di kawasan yang baru dibuka tersebut. Pembahagian tugas pembesar juga belum jelas, semuanya menjadi penasihat dan pembantu raja. Mungkin kerana ketika itu negeri masih kecil dan tidak memerlukan pembahagian kerja yang lebih terperinci. Bila negeri sudah stabil maka diwujudkan lagi beberapa jawatan pembesar utama seperti temenggung, bija sura, penghulu bendahari. Selanjutnya jumlah pembesar boleh bertambah mengikut perkembangan negeri. Misalnya jawatan laksamana di Melaka baru wujud pada zaman Sultan Mansur Syah.

Setelah negeri stabil maka kerajaan diperluaskan dengan menakluki daerah-daerah, kuala, pulau, tokong, teluk rantau dan negeri lain. Semakin luas jajahan negeri tersebut, maka semakin besar dan berdaulatlah negeri tersebut.

## **RUJUKAN**

- Alfian, T. Ibrahim, (Pny), 1973. *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Gadjah Mada University Press: Yogyakarta.
- Ali Ahmad, 1987. *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Alfian, Teuku Ibrahim, 1973. *Kronika Pasai, Sebuah Tinjauan Sejarah*. Yogyakarta: Gajah Mada Press.
- Ali Ahmad, 1983. *Kajian Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- Antony Reid & David Marr, 1992. *Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680: Tanah di Bawah Angin*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- AR. Radcliffe-Brown, 1980. *Struktur dan Fungsi dalam Masyarakat Primitif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Archdiati Ikram. "*Citra Kepimpinan dalam Sastera Melayu Lama*" Dalam *Teks Cerminan Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Auni Abdullah, 1991. *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterpres.
- Badriyah Haji Salleh, 1996. *Alam Persejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basham, A.L., 1967. *The Wonder That Was India*. London: Sidgwick & Jackson.
- Bausani, A, 1987. *Notes on The Structure of Classical Malay Hikayat*, No. 16, Departement of Indonesia Malay Languages, Monash University.
- Bukhari al-Jauhari, 1992. *Taj al-Salatin us Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boris Parnikel, 1997. *Cerita Penglipurlara Dari Segi Puitika Sejarahan*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Melaya.
- Clifford Geertz, 1992. *Tafsir Kebudayaan*. Penerbit Karnisus.
- Gullick, J.M, 1968. *Politik Bumiputera di Barat Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haji Buyung Adil, 1973. *Sejarah Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H.C Klinkert, 1916. *New Maleisch Nederlands Woorden Boek*. Leiden: E.J. Brill.
- Jelani Harun (pny), 2004. *Bustan Al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Milner, Antony Crother, 1989. "*Islam dan Martabat Raja Melayu*" dalam Ahmad Obrahim (ed). *Islam di Asia Tenggara Perspektif Sejarah*. Jakarta: LP3ES, hal. 52-53.
- Muhamad Yusuf Hashim, 1992. *Hikayat Siak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusuf Hashim, 1998. *Daulat Konsepnya dalam Budaya Politik Kerajaan Melayu Awal*, Kertas kadangkala (Siri I). Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah UM.
- Mohd Dahlan Mansoer, 1979. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jussolin de Jong, 1964. "The Character of Malay Annals" dlm. Bastin dan Roolvink (ed), *Malayan and Indonesian Studies*. Clarendon Press Oxford.

- Rajentheran, M., 1999. *Sejarah Melayu: Kesan Hubungan Kebudayaan Melayu dan India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R.J Moore (ed), 1979. *Tradition and Politics in South East Asia*. New Delhi: Vikas Publication.
- Steven Lukas, 1985. *Kuasa Satu Pandangan Redikal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Hussein, 1994. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Salleh, 1970. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Virginia Matheson, 1982. *Tuhfat Al-Nafis*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- W.O Walter, History, 1992. *Kejatuhan Sriwijaya dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt R.O, 1974. Kingship and Enthronement in Malaya", dlm. *JMBRAS*, Vol. XX, Part 1